

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Insurance Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Motosikal Komprehensif . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Insurans Motosikal Komprehensif Tarikh : 11/10/2022

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan insurans terhadap kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda, liabiliti terhadap pihak ketiga bagi kecederaan anggota atau kematian dan kerosakan hartabenda pihak ketiga.

2. Apakah jenis-jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan;
- Kecederaan anggota dan kematian pihak ketiga; dan
- Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga.

Pilihan manfaat tambahan yang boleh anda beli dengan membayar premium tambahan:

- Semua penunggang
- Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh
- Mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- Kemalangan Diri Asas (Tanpa Tariff).

ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa menambah lindungan penumpang kepada insurans motor anda.

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui kontrak polisi setiap tahun.

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, buatan dan model kenderaan anda, umur anda, pengalaman tuntutan lepas, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT), pilihan manfaat tambahan dan keperluan pengunderaitan kami.

Contoh Pengiraan:

Untuk motosikal	:	
Usia Kenderaan	:	5 tahun
Kapasiti Enjin	:	98 cc
Jumlah yang diinsuranskan	:	RM5,000.00
Kelayakan DTT	:	20%
Manfaat Tambahan	:	Kemalangan Diri Asas

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM155.08 seperti berikut:

Premium Asas	:	RM147.78
Tolak 20% Diskaun Tanpa Tuntutan	:	<u>RM 29.56</u>
		RM118.22
Tambah Manfaat Tambahan (Kemalangan Diri Asas)	:	<u>RM 18.65</u>
		RM136.87
6% Cukai Perkhidmatan	:	<u>RM 8.21</u>
Jumlah Premium	:	RM145.08
Tambah Duti Setem	:	<u>RM 10.00</u>
Jumlah Premium perlu di bayar	:	<u>RM155.08</u>

*Jumlah yang diinsuranskan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan yang dirujuk kepada pengkalan data sistem penilaian kenderaan Automotive Business Intelligence ("ABI") dari Insurance Services Malaysia Berhad ("ISM").

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada ejen	10% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Kurang/Lebih Perlindungan Insurans - Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi pada amaun yang berpatutan.

Ekses - iaitu jumlah kerugian yang anda perlu tanggung sekiranya berlaku tuntutan seperti yang dinyatakan di dalam jadual polis anda.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – premium hendaklah dibayar kepada kami atau perantara kami yang diiktiraf sebelum tarikh perlindungan polis dikuatkuasakan.

Tuntutan - Jika anda ingin membuat tuntutan, berikut adalah apa yang perlu anda lakukan: -

- a. Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan.
- b. Maklumkan kepada kami secepat mungkin kemalangan atau kerosakan yang berlaku bagi setiap tuntutan yang ingin dibuat di bawah polisi anda. Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Khidmat Pelanggan kami 1300 88 1007.
- c. Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polis untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.

6. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini?

Polis ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kematian anda atau kecederaan badan sendiri akibat kemalangan motor;
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang motosikal anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku daripada tindakan alam semulajadi, contoh banjir, ribut atau tanah runtu;
- Kehilangan kegunaan kenderaan anda;

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polis untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polis dengan memberi notis bertulis dan menyerahkan Sijil Insurans asal anda kepada kami. Pembayaran balik premium setelah pembatalan akan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam polisi.

8. Apa yang patut saya buat sekiranya ada perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqa Oneline: 1300 13 8888

E-mel: info@etiqa.com.my

Laman Web: www.etiqa.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan seumpama yang boleh didapati

- a. Pihak Ketiga
- b. Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN KERANA IA AKAN MENENTUKAN JUMLAH YANG BOLEH ANDA TUNTUT. JIKA KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH DALAM KES KEMALANGANINI, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA KAMI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMII KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 11/10/2022.